
**COMPARISON OF THE IMPLEMENTATION, LAW AND PRACTICES OF SULH AND
MEDIATION IN MALAYSIA, SINGAPORE AND BRUNEI: AN OVERVIEW**

***PERBANDINGAN PELAKSANAAN, PERUNDANGAN DAN AMALAN SULH DAN MEDIASI
DI NEGARA MALAYSIA, SINGAPURA DAN BRUNEI: SATU TINJAUAN***

¹Muhammad Isyraq Husaini Muliadi & ^{1,*}Hendun Abd Rahman Shah

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hendun@usim.edu.my

ABSTRACT

This study examines the implementation and effectiveness of sulh or mediation as an alternative solution approach in Syariah cases involving family issues and related ancillary relief cases. The resolution of the dispute depends on the discretion of both parties either through a closed discussion in the sulh ceremony or through a trial process in the Syariah court if no agreement is reached in the pre-trial phase. From a legal and practical point of view, the sulh ceremony will be held within the time frame set by the Syariah Subordinate Court and involves a meeting session that is only attended by the parties to the conflict and the *sulh* officer who acts as a facilitator. This study focuses on a comparison of the implementation of *sulh*, or mediation practiced in Malaysia, Singapore and Brunei in terms of the source of power, process, type of case, competent court, its implementation and the code of ethics of the sulh officer or mediator who handles the conflict. Through a qualitative analysis conducted on several articles, journals and research papers, it was found that the similarities in the implementation of sulh and mediation in these three countries show a high commitment to Shariah principles in resolving conflicts through reconciliation and negotiation without humiliating any of the disputing parties. While each country faces unique challenges in adapting these methods to their respective legal systems, sulh and mediation as a whole offer a comprehensive and flexible approach to resolving disputes amicably.

Keywords: *Sulh Process, Majlis Sulh, Mediation, ADR*

Abstrak

Kajian ini meneliti pelaksanaan, undang-undang dan amalan sulh dan mediasi sebagai pendekatan penyelesaian alternatif dalam kes-kes Syariah yang melibatkan isu-isu kekeluargaan dan kes-kes susulannya. Penyelesaian pertikaian ini bergantung kepada budi bicara kedua-dua pihak sama ada melalui perbincangan tertutup dalam majlis sulh atau melalui proses perbicaraan di mahkamah Syariah sekiranya tiada persetujuan dicapai dalam fasa pra-bicara. Dari sudut perundangan dan amalan, majlis sulh akan diadakan dalam jangka waktu yang ditetapkan oleh Mahkamah Rendah Syariah dan melibatkan sesi pertemuan yang hanya dihadiri oleh pihak-pihak yang berkonflik serta pegawai sulh yang bertindak sebagai pemudah cara. Kajian ini meninjau secara umum perbandingan pelaksanaan sulh atau mediasi yang diamalkan di Malaysia, Singapura dan Brunei dari segi punca kuasa, proses, jenis kes, mahkamah yang berbidangkuasa, pelaksanaannya dan kod etika pegawai sulh atau mediator yang mengendalikan konflik tersebut. Melalui analisis kualitatif yang dijalankan terhadap beberapa buah artikel, jurnal dan kertas kajian mendapati bahawa titik persamaan pelaksanaan sulh dan mediasi di ketiga-tiga negara ini menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap prinsip Syariah dalam menyelesaikan konflik melalui perdamaian dan perundingan tanpa mengaibkan mana-mana pihak yang bertikai. Walaupun setiap negara menghadapi cabaran unik dalam menyesuaikan kaedah ini dengan sistem perundangan masing-masing, sulh dan mediasi secara keseluruhan menawarkan pendekatan yang komprehensif dan fleksibel untuk menyelesaikan pertikaian secara damai.

Kata Kunci: *Proses sulh process, majlis sulh, mediasi, ADR*

Pengenalan

Sulh bermaksud perdamaian atau penyelesaian secara damai adalah satu konsep dalam Islam yang menggalakkan penyelesaian konflik tanpa melibatkan litigasi yang berpanjangan. Dalam konteks undang-undang Islam, sulh menjadi mekanisme utama untuk menyelesaikan perselisihan secara aman dan adil selaras dengan prinsip syariah yang menekankan kesejahteraan dan harmoni dalam masyarakat. Di Malaysia, sulh atau mediasi sering digunakan dalam kes-kes yang melibatkan undang-undang keluarga di Mahkamah Syariah. Melalui sulh, pihak-pihak yang terlibat diberi peluang untuk berunding dan mencapai penyelesaian secara sukarela, dengan bantuan pegawai sulh yang dilantik oleh mahkamah. Pendekatan ini membantu mengurangkan ketegangan antara pihak-pihak yang terlibat dan mengurangkan beban mahkamah. Trend penyelesaian pertikaian di luar Mahkamah semakin mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Kaedah Sulh telah diperkenalkan dan dilaksanakan di Mahkamah Syariah Malaysia sebagai usaha untuk mempercepat proses penyelesaian konflik antara pihak-pihak yang bertikai (Abd Rahman Shah, et al., 2022). Di Malaysia, pelaksanaan kaedah Sulh telah diperkenalkan di Selangor pada tahun 2011 dengan fokus utama pada penyelesaian pertikaian secara damai yang bertujuan sebagai alternatif kepada proses perbicaraan yang biasanya memakan masa yang panjang dan melibatkan kos yang tinggi. Pelaksanaan sulh dalam kes-kes undang-undang keluarga di Malaysia, seperti kes perceraian dan hak penjagaan anak, membolehkan penyelesaian yang lebih cepat dan mesra kepada semua pihak. Melalui proses ini, konflik diselesaikan dengan mengambil kira kehendak dan hak semua pihak, mengikut garis panduan Islam yang mengutamakan kedamaian dan persetujuan bersama. Kertas kerja ini akan membincangkan secara ringkas pelaksanaan, undang-undang dan amalan sulh dan mediasi di tiga negara Asian iaitu Malaysia, Singapura dan Brunei bagi mengenalpasti persamaan dan perbezaannya dari sudut akademik.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai *Pengenalan dan Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah* yang ditulis oleh Adzidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, dan Mutstafa 'Afifi Ab Halim (2016) menumpukan kepada konsep sulh sebagai satu mekanisme alternatif penyelesaian sengketa di Mahkamah Syariah. Artikel ini berfokus pada aspek pengenalan serta keberkesanan sulh dalam mempercepat proses penyelesaian kes, mengurangkan bebanan mahkamah dan mencapai penyelesaian yang lebih memuaskan secara sukarela bagi pihak-pihak yang terlibat.

Dahalan, H. M. (2014) pula dalam penulisannya mengenai *Sulh: Peranan, Pelaksanaan dan Keberkesannya oleh Pegawai Sulh* memberi tumpuan kepada peranan pegawai sulh dalam mengendalikan proses sulh, iaitu satu kaedah alternatif penyelesaian pertikaian di Mahkamah Syariah. Fokus kajian ini adalah untuk memahami fungsi pegawai sulh, cara mereka melaksanakan tugas, serta keberkesanan sulh sebagai satu pendekatan untuk menyelesaikan pertikaian dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia.

Amalan Sulh dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia yang ditulis oleh N. Ramlee, N.H. Hidzam, dan M. Bukhari (2022) menyentuh secara terperinci mengenai perubahan dalam amalan sulh di kedua-dua negara ini akibat pandemik COVID-19. Penulis menyoroti bagaimana norma baharu, termasuk penggunaan platform digital, telah mempengaruhi penyelesaian konflik dalam konteks mahkamah syariah. Penulisan mereka juga membandingkan keberkesanan dan cabaran pelaksanaan sulh di antara kedua-dua negara. Di Malaysia, pelaksanaan perbicaraan secara maya telah lebih meluas berbanding di Brunei, dengan sokongan dari badan-badan kehakiman dan panduan daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Sebaliknya, Brunei menghadapi cabaran dalam infrastruktur dan sumber manusia untuk melaksanakan kaedah ini dengan lebih efektif.

Azman Ismail pula membincangkan mengenai *Prosedur Pelaksanaan Sulh: Kajian Perbandingan di Antara Mahkamah Syariah Selangor dan Mahkamah Syariah Singapura*. Ia bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan prosedur pelaksanaan *sulh* (perdamaian) dalam konteks Mahkamah Syariah di dua lokasi yang berbeza, iaitu Selangor, Malaysia dan Singapura. Penyelidikan ini memberi tumpuan kepada struktur, mekanisme, dan keberkesanan pelaksanaan *sulh* di kedua-dua sistem perundangan, serta implikasi untuk masyarakat.

Kajian oleh Maideen, K. A. M. M. M. (2021) dalam artikel bertajuk *A Study of Muslim Divorces and Procedures in Syariah Court Singapore* yang diterbitkan dalam *Jurnal Pengajian Islam* memberikan tinjauan mendalam mengenai prosedur perceraian dalam kalangan umat Islam di Mahkamah Syariah Singapura menerusi proses mediasi dan sesi kaunseling yang akan dijalankan oleh pihak-pihak yang bertikai secara sukarela bersama pegawai Mediator yang bertauliah.

Dy. Zainab T.H (2009) dalam kajian bertajuk *Perkembangan Pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam* yang diterbitkan oleh Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur mengkaji perkembangan Mahkamah Syariah di Brunei, termasuklah proses *sulh* atau mediasi sebagai salah satu pendekatan penyelesaian pertikaian dalam undang-undang Syariah. Pelaksanaan *sulh* di Mahkamah Syariah Brunei Darussalam adalah satu langkah yang positif dalam menyelesaikan pertikaian secara damai dan berkesan. Dengan memastikan bahawa proses *sulh* ini dijalankan oleh pegawai yang berkeelayakan dan dengan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai manfaatnya, *sulh* mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pentadbiran keadilan yang lebih cepat dan mesra pengguna di Brunei.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk memahami perspektif pelaksanaan Sulh atau Mediasi yang diamalkan di Malaysia, Singapura dan Brunei. Lazimnya, daripada segi pelaksanaan dan objektif adalah lebih kurang sama tetapi terdapat perbandingan yang akan dijalankan dalam kajian ini melibatkan tiga buah negara tersebut berdasarkan kepada punca kuasa, mahkamah yang terlibat, jenis kes, proses dan pelaksanaan sulh.

Perbincangan dan Hasil Kajian

Peruntukan Perundangan dan Amalan Sulh Di Malaysia

Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak. Rumusannya, Sulh adalah suatu perundingan dan perbincangan di antara pihak-pihak di hadapan seorang Pegawai Sulh berkaitan perkara yang dipertikaikan terhadap satu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah. Proses Sulh

melibatkan peringkat pelaksanaan yang bermula daripada pendaftaran sesuatu kes sehingga kes tersebut selesai.

Dalam menjalankan kes Sulh di Mahkamah, tugas dari aspek pentadbiran tertumpu kepada Pendaftar, manakala pengendalian Majlis Sulh dijalankan oleh Pengerusi Majlis Sulh, sama ada oleh Pendaftar atau Pegawai Sulh yang dilantik. Pegawai Sulh adalah seorang Pegawai Syariah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie untuk mempengerusikan Majlis Sulh tersebut (Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2001). Secara umumnya, kaedah-kaedah dan prosedur Sulh telah diselaraskan pelaksanaannya di negeri-negeri, yang memudahkan pentadbiran mahkamah dalam mengendalikan kes-kes yang dibawa serta mempercepatkan penyelesaian kes-kes tersebut dengan baik dan berkesan.

Prosedur bagi pendaftaran kes di Mahkamah diikuti seperti biasa berdasarkan bidang kuasa Mal Mahkamah Syariah. Kedudukan Majlis Sulh sebenarnya mengambil sebahagian daripada proses pra-perbicaraan seperti yang ditetapkan dalam undang-undang. Sekiranya Majlis Sulh berjaya diselesaikan dan mencapai kata sepakat oleh pihak-pihak yang terlibat, sebarang penghakiman atas pengakuan atau persetujuan mereka boleh direkodkan oleh Mahkamah pada bila-bila masa tanpa perlu menjalankan proses perbicaraan. Begitu jugalah sebaliknya jika kata sepakat tidak dicapai.

Penilaian Kes: Kes bicara atau kes sulh

Apabila pihak-pihak yang bertikai mengemukakan masalah kepada Mahkamah, Pendaftar akan menilai dan mengenalpasti sama ada kes tersebut merupakan kes bicara atau kes Sulh. Hanya 18 jenis kes sahaja yang dibolehkan untuk Sulh, iaitu:

1. Gantirugi Pertunangan
2. Muta'ah
3. Harta Sepencarian
4. Nafkah Isteri
5. Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
6. Cagaran Nafkah
7. Nafkah Eddah
8. Mengubah Perintah Nafkah
9. Tunggakan Nafkah
10. Nafkah Anak
11. Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak
12. Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak
13. Hadhanah
14. Gantirugi Perkahwinan
15. Hak Tempat Tinggal
16. Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
17. Isteri Kembali Taat
18. Mas Kahwin

Pengeluaran Notis Sulh

Aturan 3 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 menyatakan bahawa Pendaftar hendaklah mematuhi prosedur berikut: pertama, Tidak memberi tarikh bicara dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pendaftaran. Jangkamasa tiga bulan ini adalah tempoh biasa untuk penyelesaian yang melibatkan Majlis Sulh secara berkala. Jika penyelesaian dapat dibuat lebih cepat, persetujuan kedua-dua pihak boleh dibawa terus ke hadapan hakim untuk direkodkan sebagai perintah. Jika sebaliknya, masa tiga bulan tersebut boleh dipanjangkan tanpa terikat dengan tarikh perbicaraan yang ditentukan dengan membuat permohonan di Mahkamah.

Ini bersesuaian dengan Aturan 6 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Seksyen 88 Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Negeri Selangor) No. 7/1991 dan Seksyen 94 Enakmen Tatacara Mal Syariah Selangor 2003. Seterusnya, Menentukan tarikh Sulh. Arahan Amalan JKSM 2/2001 menetapkan tarikh bagi Majlis Sulh adalah dalam tempoh 21 hari dari tarikh pendaftaran. Tempoh ini perlu dipatuhi bagi memastikan kurangnya kes tertunggak dan aduan kelewatan kes di

Mahkamah. Terakhir, Mengeluarkan Notis Sulh. Bagi memastikan kehadiran pihak-pihak, setelah Pendaftar menetapkan tarikh Majlis Sulh, Notis Sulh hendaklah dikeluarkan dan diserahkan mengikut kaedah serahan saman (Arahan Amalan JKSM 3/2003) kepada pihak-pihak.

Kehadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh

Menurut Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001, Sulh akan diadakan dalam Majlis khusus dengan kehadiran pihak-pihak. Kaedah 5 Tatacara Mal (Sulh) menyatakan:

- a. Sulh hendaklah dijalankan dalam suatu Majlis Sulh yang dihadiri oleh pihak-pihak kepada kausa tindakan itu.
- b. Tiap-tiap pihak hendaklah hadir ke Majlis Sulh sendiri tanpa Peguam Syarie atau mana-mana pihak lain kecuali dengan keizinan pihak-pihak kepada kausa tindakan itu.

Pihak-pihak sahaja yang hadir di hadapan Pengerusi tanpa wakil atau Peguam Syariannya (jika ada) dalam Majlis Sulh menurut yang difahami daripada kaedah di atas, kecuali dengan kebenaran Pengerusi. Tujuannya adalah untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada pihak-pihak untuk berbincang secara bersemuka dan terbuka.

Perbincangan dan perundingan antara pihak-pihak dijalankan secara terpinpin oleh Pengerusi untuk membantu menyelesaikan pertikaian. Dalam proses ini, Manual Kerja Sulh akan dimanfaatkan oleh Pengerusi.

Proses Majlis Sulh

Majlis Sulh boleh dijalankan mengikut tatacara berikut:

- a. Penyataan pembukaan oleh Pegawai Sulh mengenai matlamat, objektif, tatacara, peraturan Sulh, serta kerahsiaan komunikasi dan perkara yang dibincangkan dalam Majlis Sulh.
- b. Penghujahan awal oleh pihak-pihak yang bertikai mengenai perkara yang dipertikaikan, kesan dan akibat pertikaian, serta cadangan penyelesaian.
- c. Perbincangan bersama antara pihak-pihak yang bertikai dengan Pegawai Sulh untuk mencapai persetujuan.
- d. Sidang tertutup (kaukus) di mana Pegawai Sulh mengadakan perjumpaan dengan pihak-pihak secara berasingan jika perbincangan bersama tidak boleh diadakan atau jika perlu.
- e. Perundingan bersama selanjutnya untuk mencapai penyelesaian secara terbaik-baik dan sukarela.
- f. Proses di perenggan 10(1)(c), (d), dan (e) boleh diulangi jika Sulh masih dalam tempoh 60 hari atau Pegawai Sulh yakin penyelesaian secara terbaik-baik boleh dicapai.

Keputusan Majlis Sulh

Setelah Majlis Sulh selesai, keputusan kes yang melalui Majlis Sulh ditetapkan sama ada berakhir dengan penyelesaian tuntutan atau sebaliknya. Sekiranya Majlis Sulh berjaya, sebarang persetujuan yang dicapai akan dibawa ke hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai perintah Mahkamah. Persetujuan yang dicapai hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Persetujuan (Perjanjian Penyelesaian) yang ditandatangani oleh pihak-pihak di hadapan Pengerusi dan dibawa ke hadapan Hakim untuk direkodkan sebagai Perintah Mahkamah sesuai dengan Kaedah 6 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001.

Sekiranya Majlis Sulh gagal, sama ada sebahagian atau keseluruhannya, kes akan dibawa kepada proses sebutan dan perbicaraan kes sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 7 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001.

Penamatan Majlis Sulh

Dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 tidak dinyatakan dengan jelas berkaitan penamatan Majlis Sulh, namun berdasarkan kepada Aturan 11 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Terengganu 2014, sesuatu Majlis Sulh hendaklah tamat apabila:

- a. Pegawai Sulh menarik diri daripada Majlis Sulh dengan keizinan Ketua Hakim Syarie.
- b. Mana-mana pihak menarik diri daripada Majlis Sulh.
- c. Mana-mana pihak tidak hadir dalam Majlis Sulh.
- d. Mana-mana pihak mati atau tidak berupaya.

Sekiranya perundingan tidak dapat diselesaikan dalam suatu Majlis Sulh, Pegawai Sulh hendaklah melaporkan kepada Mahkamah melalui borang yang telah ditetapkan.

Kod Etika Pegawai Sulh

Kod Etika Pegawai Sulh tertakluk kepada Pegawai Sulh sepanjang tempoh perkhidmatannya. Jika terdapat pelanggaran sesuatu peruntukan Kod Etika ini, ia boleh menjadi satu sebab bagi tindakan dikenakan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Tambahan pula, pengkhususan terhadap kod etika pegawai Sulh telah diperuntukkan di dalam Jadual Kedua, Aturan 10 Kaedah-kaedah Tatacara Mal (Sulh) Terengganu 2014 - Kod Etika Pegawai Sulh yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu tanggungjawab umum dan tanggungjawab khusus.

Kod Etika ini diwujudkan untuk memastikan dan menjamin kewibawaan Mahkamah Syariah itu sendiri. Walaupun program Sulh adalah satu proses di luar mahkamah, Pegawai Sulh merupakan sebahagian daripada pegawai Mahkamah Syariah. Program Sulh juga adalah sebahagian daripada prosedur di Mahkamah Syariah. Oleh sebab itu, pematuhan kepada kod etika yang telah diwujudkan amat penting untuk menggambarkan kewibawaan institusi Mahkamah Syariah secara keseluruhannya. Terdapat dua tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh seorang pegawai Sulh iaitu:

1. Tanggungjawab umum

Pegawai Sulh dikehendaki untuk:

- a. Kepentingan Peribadi: Pegawai Sulh tidak boleh melakukan perbuatan yang boleh menimbulkan syak munasabah bahawa dia membiarkan kepentingan sendiri bercanggah dengan tugas rasminya serta menggunakan kedudukannya untuk manfaat dirinya sendiri.
- b. Kejujuran: Pegawai Sulh tidak boleh berkelakuan dengan cara yang tidak jujur sehingga mencemarkan atau memburukkan nama Mahkamah Syariah.
- c. Pergaulan: Pegawai Sulh tidak boleh bergaul bebas dengan orang ramai sehingga menimbulkan syak tentang keupayaannya untuk berlaku adil ketika bertugas.
- d. Penerimaan Hadiah: Pegawai Sulh tidak boleh menerima hadiah yang berkaitan dengan pelaksanaan tugasnya.
- e. Pendapat: Pegawai Sulh tidak boleh memberi pendapat tentang sesuatu perkara atau keadaan yang sedang dibincangkan atau berkemungkinan akan menjadi isu dalam mana-mana Majlis Sulh.
- f. Aktiviti Politik: Pegawai Sulh tidak boleh mengambil bahagian dalam aktiviti parti politik.
- g. Tugas dan Arahan: Pegawai Sulh mestilah bersungguh-sungguh dan tidak melengahkan tanpa alasan munasabah dalam menyelesaikan kes Sulh serta mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Hakim Syarie dari masa ke masa.
- h. Peningkatan Diri: Pegawai Sulh mestilah sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahirannya.

2. Tanggungjawab Khusus

Pegawai Sulh dikehendaki untuk:

- a. Keadaan Fizikal dan Emosi: Tidak mepengerusikan Majlis Sulh apabila tidak tenang, lapar, dahaga, marah, mengantuk, atau tidak sihat.
- b. Kehadiran: Tidak boleh meninggalkan Majlis Sulh seperti yang dijadualkan tanpa sebab yang kukuh atau tanpa keizinan dari Ketua Hakim Syarie.
- c. Konflik Kepentingan: Tidak mepengerusikan Majlis Sulh apabila ada pihak terlibat yang merupakan sahabat atau musuhnya.

- d. Keadilan dan Ketegasan: Pegawai Sulh mestilah bertindak secara tegas dan adil serta tidak dipengaruhi oleh orang yang hadir di hadapannya atau keadaan tertentu.
- e. Sikap dan Perilaku: Pegawai Sulh mestilah bersifat terbuka, mesra, dan sabar semasa mempengerusikan Majlis Sulh.
- f. Proses dan Kawalan: Pegawai Sulh harus memastikan prosiding Majlis Sulh berjalan dengan teratur menurut Manual Kerja Sulh serta mengawal keadaan supaya Majlis Sulh berjalan lancar.
- g. Penyelesaian Pertikaian: Pegawai Sulh mestilah menggalakkan pihak-pihak menyelesaikan pertikaian di antara mereka serta mencapai persetujuan secara sukarela.
- h. Layanan Sama Rata: Pegawai Sulh mestilah memberi layanan yang sama rata kepada pihak-pihak.
- i. Kepakaran dan Kemahiran: Pegawai Sulh harus mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam hal berkaitan dengan pertikaian.
- j. Iklan Perkhidmatan: Pegawai Sulh tidak boleh mengiklankan perkhidmatannya.
- k. Peranan dalam Majlis Sulh: Pegawai Sulh mestilah menolak permohonan untuk menjadi saksi atau penasihat kepada pihak-pihak dalam Majlis Sulh yang pernah dikendalikannya.
- l. Keselamatan: Pegawai Sulh mestilah memastikan keselamatan pihak-pihak dalam Majlis Sulh terjamin. Kod Etika Pegawai Sulh ini memastikan bahawa etika yang perlu dipatuhi oleh Pegawai Sulh adalah selaras dengan kod etika Hakim Syarie, untuk memastikan keadilan dan integriti sentiasa dipelihara dalam setiap aspek berkaitan dengan pelaksanaan Sulh.

Peruntukan Perundangan dan Amalan Sulh/Mediasi Di Singapura

Pentadbiran Undang-Undang Muslim atau Administration of Muslim Law Act (AMLA) ditubuhkan pada 1966 di bawah Perkara 153 Perlembagaan Singapura, Muslim Religion. Badan Perundangan hendaklah melalui undang-undang ini membuat peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan untuk membentuk Majlis untuk menasihati Presiden dalam perkara yang berkaitan dengan agama Islam. Akta tersebut menubuhkan institusi yang mengawal selia perundangan Islam seperti Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Mahkamah Syariah dan Pendaftar Perkahwinan Muslim (ROMM).

Di Mahkamah Syariah Singapura, cara penyelesaian sepertimana sulh turut diamalkan. Tetapi, istilah yang digunapakai adalah mediasi dan bukannya sulh yang dikendalikan oleh sebuah badan yang dikenali sebagai Mediation and Court Support. Badan ini bertanggungjawab dalam menguruskan dan menyelesaikan apa-apa isu pertikaian secara mediasi. Menurut Ustaz Abdul Jalil Abdul Razak, seorang mediator di Mahkamah Syariah Singapura, lebih 60 peratus kes keluarga di mahkamah syariaah berjaya diselesaikan dengan proses mediasi yang diperkenalkan dalam kalangan pasangan yang ingin bercerai.

Jenis Mahkamah

Di Singapura, terdapat dua jenis mahkamah yang berurusan dengan kes-kes kekeluargaan yang melibatkan undang-undang Islam iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Keluarga. Berikut adalah perbezaan utama antara kedua-dua mahkamah ini berdasarkan kes-kes syariaah:

1. Bidang Kuasa

- Mahkamah Syariah: Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa ke atas kes-kes yang melibatkan undang-undang Islam, terutamanya berkaitan dengan perkahwinan, perceraian, nafkah, hak penjagaan anak, dan pembahagian harta perkahwinan bagi orang Islam. Mahkamah ini hanya terhad kepada orang-orang Islam dan mengendalikan isu-isu yang berkaitan dengan hukum syarak.
- Mahkamah Keluarga: Mahkamah Keluarga di Singapura mengendalikan kes-kes yang melibatkan undang-undang awam dalam hal kekeluargaan untuk semua rakyat Singapura, termasuk hak penjagaan anak, nafkah, dan pengesahan perceraian. Ia mempunyai bidang kuasa yang lebih luas dan mengikut undang-undang sekular Singapura. Orang Islam boleh membawa

kes ke Mahkamah Keluarga jika ia melibatkan isu-isu yang berada di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah.

2. Undang-undang yang Diguna Pakai

- Mahkamah Syariah: Beroperasi berdasarkan Administration of Muslim Law Act (AMLA), yang menetapkan undang-undang berkaitan isu kekeluargaan untuk umat Islam di Singapura. Ini termasuk peraturan mengenai perkahwinan, perceraian, dan isu-isu keluarga yang lain mengikut hukum Islam.
- Mahkamah Keluarga: Menggunakan undang-undang awam, terutamanya Women's Charter dan Family Justice Act. Women's Charter, sebagai contoh, digunakan untuk isu-isu kekeluargaan yang melibatkan masyarakat bukan Islam atau kes-kes yang memerlukan perlindungan yang lebih luas.

3. Jenis Kes yang Dikendalikan

- Mahkamah Syariah: Mengendalikan kes-kes seperti:
 - a. Pendaftaran dan pembatalan perkahwinan Islam.
 - b. Perceraian dan tuntutan talak bagi pasangan Islam.
 - c. Pembahagian harta sepencarian dan nafkah selepas perceraian.
 - d. Hak penjagaan anak dalam konteks undang-undang Islam.
- Mahkamah Keluarga: Mengurus kes-kes seperti:
 - a. Perceraian umum (termasuk kes-kes yang tidak melibatkan undang-undang Islam).
 - b. Penguatkuasaan perintah nafkah.
 - c. Tuntutan hak penjagaan anak tanpa mengira agama.
 - d. Perlindungan terhadap keganasan rumah tangga dan kes-kes yang melibatkan isu keselamatan keluarga.

4. Proses Rayuan

- Mahkamah Syariah: Rayuan daripada keputusan Mahkamah Syariah boleh dibawa ke Mahkamah Rayuan Syariah (Appeal Board of the Syariah Court) jika ada ketidakpuasan terhadap keputusan asal.
- Mahkamah Keluarga: Rayuan boleh dilakukan di Mahkamah Tinggi Singapura untuk kes-kes yang melibatkan undang-undang sekular dan kekeluargaan.

5. Perspektif dan Prinsip Undang-Undang

- Mahkamah Syariah: Berasaskan prinsip syariah yang mengambil kira hukum Islam, dengan tujuan untuk mematuhi dan memelihara undang-undang agama dalam konteks kekeluargaan.
- Mahkamah Keluarga: Berdasarkan prinsip-prinsip undang-undang sekular yang bersifat inklusif, bertujuan untuk menjaga kepentingan masyarakat Singapura secara am, tanpa merujuk kepada agama tertentu.

Singapura mengamalkan sistem yang membenarkan umat Islam untuk membawa kes kekeluargaan ke Mahkamah Syariah, tetapi dalam situasi tertentu, Mahkamah Keluarga juga boleh campur tangan atau memberi keputusan yang sesuai untuk kes-kes yang melibatkan aspek sekular atau pertindihan bidang kuasa.

Proses Majlis Mediasi

Seksyen 18A(2)(b) Kaedah-Kaedah Perkahwinan dan Perceraian Islam Singapura menjelaskan bahawa arahan yang boleh diberikan oleh Mahkamah di bawah perenggan (1) termasuk arahan bahawa semua atau mana-mana pihak dalam prosiding itu menghadiri sesi pengantaraan atau persidangan pra-perbicaraan yang berkaitan dengan sebarang perkara yang berbangkit dalam prosiding itu. Seksyen 46A (1) Administration of Muslim Law Act 1966 (AMLA) memperuntukkan bahawa aktiviti yang perlu

dihadiri oleh pihak yang ingin membuat permohonan perceraian, pihak-pihak hendaklah menghadiri 'prescribed activity'. Manakala Seksyen 8B (1) Muslim Marriage and Divorce Rules (MMDR) mentafsirkan 'prescribe activity' adalah sesi kaunseling wajib iaitu Muslim Counselling Programme (MCP). Seksyen 46(3) Administration of Muslim Law Act 1966 (AMLA) menyatakan bahawa MCP ini mestilah disertai oleh kedua-dua pihak dan tiada Permohonan Perceraian yang boleh dibuat di Mahkamah Syariah kecuali selepas pihak-pihak menghadiri MCP. Jika salah satu pihak gagal hadir MCP, Permohonan Perceraian tersebut akan ditolak.

Apabila berlakunya proses perceraian sama ada talak telah dilafazkan atau tidak di luar mahkamah, suami atau isteri tersebut perlu memfailkan permohonan cerai tersebut di Mahkamah Syariah Singapore. Secara ringkas terdapat 5 langkah dalam prosedur perceraian iaitu pertama, Pendaftaran & Kaunseling Wajib Perkahwinan. Untuk memulakan proses perceraian, pasangan yang ingin memohon cerai di Mahkamah Syariah Singapore hendaklah mengemukakan Borang Pendaftaran terlebih dahulu. Borang ini boleh dimuat turun dari laman web Mahkamah Syariah Singapore. Borang tersebut boleh didapati dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Setelah menerima borang tersebut, pihak akan dimaklumkan untuk menghadiri Program Kaunseling Perkahwinan di salah satu agensi komuniti yang telah ditetapkan. Setiap pihak wajib menghadiri sesi kaunseling yang telah diaturkan untuk mengenalpasti titik-titik penyelesaian dengan pihak kaunselor tetapi pihak-pihak tidak berjumpa antara satu sama lain.

Kedua, Prosiding Perceraian Di Mahkamah Syariah Singapore. Sekiranya sesi kaunseling gagal, fail kes akan dihantar semula ke Mahkamah Syariah Singapore. Pemohon atau Plaintiff perlu mendraf, memfailkan dan menyampaikan dokumen kepada Responden dan Defendan secara peribadi atau melalui peguam mereka. Tarikh akhir untuk memfailkan Saman Pemula adalah 6 bulan dari tarikh akhir sesi Program Kaunseling Wajib Perkahwinan sebelum ini.

Ketiga, Pengantaraan Menerusi Sesi Mediasi. Setelah memfailkan Saman Pemula, pihak-pihak akan dimaklumkan untuk menghadiri sesi pengantaraan atau lebih dikenali sebagai mediasi di Mahkamah Syariah Singapore. Tujuan sesi mediasi ini adalah untuk mengenalpasti pilihan perdamaian. Pengantara atau mediator akan berfungsi sebagai pemudahcara bagi membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian mengenai perceraian atau isu-isu yang bukan melibatkan perceraian seperti urusan jual beli hartanah, kontrak pekerjaan dan harta intelek. Sekiranya penyelesaian dicapai, pihak-pihak akan hadir di hadapan Presiden Mahkamah Syariah Singapore untuk direkodkan perintah persetujuan. Selepas kelulusan Mahkamah untuk penyelesaian tersebut.

Keempat, Persidangan Pra-Percubaan. Sekiranya pengantaraan gagal mencapai kesepakatan, kes akan ditangguhkan untuk dibawa ke Persidangan Pra-Perbicaraan atau dikenali sebagai Pre-Trial Conference (PTC). Objektif PTC ini adalah untuk menyediakan ruang kepada pihak-pihak sebelum sesi perbicaraan perceraian. Arahan akan diberikan oleh pihak mahkamah di PTC untuk mereka memfailkan dokumen yang diperlukan dan berkaitan. Persidangan Pra-Percubaan ini juga diadakan bagi memastikan pihak-pihak mempunyai masa yang secukupnya untuk memikirkan semula samada mereka ingin meneruskan kes tersebut atau tidak selepas mengambil kira kerumitan di peringkat litigasi.

Kelima, Pendengaran. Sesi pendengaran dan perbicaraan akan berlaku dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan seperti Plaintiff, Defendan, peguam atau saksi mengikut isu, fakta kes dan keperluan kes tersebut. Mahkamah akan memutuskan penghakimannya apabila pihak-pihak selesai menjalani sesi perbicaraan. Prosiding perceraian berakhir sebaik sahaja penghakiman disampaikan.

Kod Etika Pegawai Mediasi

Pusat Mediasi Singapura (SMC) telah menggariskan dengan ringkas mengenai etika dalam mediasi dalam talian, yang menekankan keperluan bagi pegawai mediasi untuk berperanan secara neutral, tanpa kecenderungan atau kelebihan terhadap cadangan individu tertentu. Dalam sebuah penulisan yang telah ditulis oleh Nadja dan Shouyu Chong, keneutralan pegawai mediasi adalah sangat ditekankan sebagai aspek penting dalam proses mediasi. Kod etika bagi seorang pegawai mediasi adalah prinsip yang wajib diamalkan oleh kesemua pegawai. Mereka perlu berlaku adil tanpa memihak kepada pendapat mereka sendiri atau pihak yang terlibat. Selain itu, mereka juga perlu bersikap neutral dan objektif, memastikan setiap sesi mediasi dijalankan dengan teliti tanpa mencadangkan keputusan kepada mana-mana pihak

sekalipun. Pegawai mediasi juga diwajibkan untuk menjaga kerahsiaan maklumat yang dibincangkan dalam sesi tersebut, tidak dibenarkan untuk membocorkan maklumat kepada pihak lain di luar mediasi. Jika keputusan telah dibuat oleh pihak-pihak yang terlibat, pegawai mediasi tidak boleh mengubah atau memaksakan kehendak mereka sendiri terhadap keputusan tersebut. Oleh itu, mereka perlu menghormati dan mengiktiraf setiap keputusan yang telah dibuat.

Peruntukan Perundangan dan Amalan Sulh Di Brunei

Secara asasnya, Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah Brunei telah ditubuhkan pada 26 Mac 2001. Kemudiannya, pada tahun 2005, KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memerintahkan untuk membuat pindaan pada akta tersebut dan digelar sebagai Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah (pindaan) 2005. Perintah ini telah menggariskan penetapan bidang kuasa, prosedur, dan fungsi mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes-kes berkaitan dengan undang-undang keluarga Islam, Jenayah Syariah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan undang-undang Syariah. Pelaksanaan sulh di Negara Brunei adalah salah satu mekanisme berkesan dalam menyelesaikan pertelingkahan pihak-pihak. Seksyen 98 Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005 menyatakan bahawa Mahkamah hendaklah menggalakkan pihak-pihak dalam mana-mana prosiding mengadakan sulh mengikut Hukum Syara' bagi menyelesaikan pertikaian mereka.

Proses Majlis Sulh

Terdapat prosedur atau peringkat yang perlu dipatuhi ketika mana pihak-pihak bersetuju untuk meneruskan dengan Majlis Sulh. Majlis Sulh di Brunei adalah berdasarkan Syariah Court Civil Procedure 2005. Proses Majlis Sulh di Brunei adalah seperti berikut:

1. Proses I: Pendaftar akan memfailkan kes Sulh dan menghantar minit kepada Ketua Pendaftar untuk melantik seorang Pegawai Sulh.
2. Proses II: Ketua Pendaftar akan melantik Pegawai Sulh bagi kes tersebut.
3. Proses III: Pegawai Sulh (Pengerusi) akan menetapkan tarikh untuk Majlis Sulh melalui Notis Majlis Sulh. Notis ini bertujuan mengarahkan pihak-pihak untuk hadir di hadapan Pegawai Sulh (Pengerusi).
4. Proses IV: Pihak-pihak yang hadir di hadapan Pegawai Sulh (Pengerusi) akan melalui proses berikut:
 - a. Sesi Perkenalan: Ketika pihak-pihak hadir di Majlis Sulh, Pengerusi Majlis Sulh akan membuat sesi perkenalan dengan pihak-pihak dan menerangkan beberapa perkara penting seperti Konsep Sulh dan tujuannya, kebaikan Sulh, dan peraturan sepanjang Majlis Sulh.
 - b. Sesi Pembentangan: Dalam sesi ini, Pengerusi akan meminta pihak-pihak secara bergilir membentangkan cerita masing-masing mengikut versi mereka, dan Pengerusi akan cuba memahami perkara penting disebalik pembentangan tersebut.
 - c. Sesi Perbincangan: Pengerusi akan membenarkan pihak-pihak membuat perbincangan dan Pengerusi akan mengenalpasti isu yang dipertikaikan. Selain itu, Pengerusi juga akan turut mengenalpasti keadaan pihak-pihak dan cuba melihat tentang solusi kepada masalah tersebut.
 - d. Sesi Kaukus: Sekiranya diperlukan, Pengerusi boleh membuat sesi perbincangan secara berasingan antara pihak-pihak sekiranya semasa perbincangan bersama masih belum mencapai kata putus. Sesi ini untuk memudahkan Pengerusi mengenalpasti masalah dengan lebih mendalam dan untuk mendapatkan lebih maklumat daripada pihak-pihak. Kemudian, sesi perbincangan secara bersama akan diteruskan.
 - e. Keputusan: Setelah selesai perbincangan, Pengerusi akan melihat samada pihak-pihak telah berjaya mencapai kata sepakat dan penyelesaian kepada isu yang dipertikai. Sekiranya berjaya, satu Perjanjian Persetujuan akan di draf dan akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Perjanjian Persetujuan ini akan dibawa di hadapan Hakim dan diendors sebagai Perintah Persetujuan yang memberi kesan sama seperti Perintah mahkamah.

Oleh yang demikian, sulh di Negara Brunei Darussalam menggambarkan satu kaedah untuk mendamaikan pihak-pihak yang dalam perselisihan dan dalam banyak keadaan, kaedah sulh yang diguna pakai di Brunei adalah sama dengan kaedah sulh di Malaysia.

Kod Etika Pegawai Sulh

Secara dasarnya, setiap Majlis Sulh perlu mematuhi sebuah kod etika dan peraturan yang tersendiri. Walaupun Majlis Sulh ini bersifat kurang formal berbanding dengan proses perbicaraan di mahkamah, namun pihak-pihak yang terlibat dan Pegawai Sulh perlu mematuhi panduan yang telah ditetapkan untuk menjamin kemuliaan Majlis Sulh. Sebagai seorang Pegawai Sulh, mereka juga tertakluk kepada kod etika yang harus dipatuhi. Sebagai contoh, Pegawai Sulh perlu bertindak secara adil atau dilihat bertindak secara adil sepanjang Majlis Sulh berlangsung.

Pegawai Sulh juga dilarang bersikap bias atau memberi kelebihan kepada satu pihak berbanding yang lain. Mereka tidak boleh memberikan nasihat atau mengarahkan pihak-pihak untuk mengikut keputusan mereka kerana peranan utama Pegawai Sulh adalah untuk membantu atau memfasilitasi pihak-pihak dalam menyelesaikan pertikaian. Walau bagaimanapun, elemen yang paling penting dalam kod etika Majlis Sulh adalah elemen kerahsiaan. Segala yang dibincangkan, dicatatkan, atau dilakukan dalam Majlis ini harus dirahsiakan dan sekiranya terdapat catatan yang dibuat oleh Pegawai Sulh, ia harus dimusnahkan dengan segera selepas Majlis selesai.

Ringkasan Perbandingan Majlis Sulh-Mediasi Antara Malaysia, Singapura dan Brunei

NEGARA	PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG	MAHKAMAH	JENIS KES	PROSES SULH / MEDIASI	PELAKSANAAN SULH
MALAYSIA	Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2001 Arahan Amalan JKSM 2001	Mahkamah Syariah	Kes seperti hadanah, nafkah isteri, iddah dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Daftar kes • Penilaian kes samada sesuai untuk sulh atau tidak • Notis Sulh dikeluarkan • Kehadiran pihak-pihak • Keputusan • an 	Dilaksanakan di Mahkamah Syariah oleh Pegawai Sulh
SINGAPURA	Administration Of Muslim Law Act 1966 Muslim Marriages & Divorces Rules 1990	Mahkamah keluarga Mahkamah Syariah	Selain kes jenayah seperti kontrak, harta intelek dan matrimonial	<ul style="list-style-type: none"> • Daftar kes • Sesi kanseling • Sesi mediasi • Dikenali sebagai 'pre trial' 	Dilakukan oleh Pegawai Mediator dengan kehadiran peguam dan diuruskan oleh <i>Mediation & Court Support</i>
BRUNEI	Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah (pindaan) 2005	Mahkamah Syariah	Hak jagaan anak, hadanah dan lain-lain	<ul style="list-style-type: none"> • Daftar kes • Melantik Pegawai sulh • Penetapan tarikh • Kehadiran pihak-pihak • Keputusan 	Dilaksanakan di Mahkamah Syariah oleh Pegawai Sulh

Kesimpulan

Kesimpulannya, proses sulh atau mediasi ini merupakan suatu kaedah yang boleh mempercepat penyelesaian di antara pihak-pihak yang bertelagah dan secara tidak langsung pihak-pihak ini boleh mengelak daripada meneruskan perbicaraan di mahkamah terbuka yang mengambil masa yang lama

dan kos yang lebih tinggi. Pelaksanaan proses sulh di Malaysia dan Brunei adalah sama seperti konsep mediasi yang dijalankan di Singapura yang bertujuan untuk menamatkan konflik antara pihak yang bertikai secara rahsia dan sukarela. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sulh atau mediasi pendekatan yang komprehensif dalam menyelesaikan pertikaian berdasarkan prinsip Syariah. Walaupun terdapat persamaan asas dalam kaedah mediasi yang diterapkan di ketiga-tiga negara, setiap negara mengadaptasi proses ini mengikut keperluan dan struktur perundangan tempatan masing-masing. Proses sulh dan mediasi di Malaysia, Brunei, dan Singapura menunjukkan komitmen tinggi terhadap prinsip Syariah dalam menyelesaikan konflik melalui perdamaian dan rundingan. Setiap negara mempunyai cabaran tersendiri, namun secara keseluruhan, sulh memberikan alternatif yang efektif untuk menyelesaikan pertikaian dengan lebih cepat, kos rendah, dan secara harmoni. Bagi meningkatkan keberkesanan proses ini, fokus harus diberikan kepada latihan pegawai sulh, kempen kesedaran masyarakat, dan sokongan teknologi untuk memperluaskan capaian proses sulh di kalangan masyarakat Islam.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang atas pembiayaan penyertaan penulis dalam persidangan dan penerbitan prosiding.

Rujukan

- Abd Rahman Shah, H., Mohd Ali, N., Che Musa, N., Yaakob, A., & Mustafa 'Afifi Ab Halim. (2022). Sulh dan mediasi dalam talian dalam konflik kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia: Prospek dan cabaran norma baharu. *Ulum Islamiyyah*, 34(3), 70–80. <https://doi.org/10.33102/uij.vol34no3.490>
- Abu Bakar, Z. R. (2011). Sulh in the Malaysian Syariah Courts. *Conference Rediscovering Mediation in the 21st Century*. Malaysia's Leading Law Publisher.
- Adzidah Yaakob, Zakaria, M. Z., Ahmad, A., Mohd, K. W., & Mutstafa 'Afifi Ab Halim. (2016). *Pengenalan dan keberkesanan sulh di Mahkamah Syariah*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ahmad Jefri Rahman. (2013). Developments in arbitration and mediation as alternative dispute mechanisms in Brunei Darussalam. *February*, 17–18.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Black, A. (2001). Alternative dispute resolution in Brunei Darussalam: The blending of imported and traditional processes. *January*, 13, 19.
- Black, A. (2005). Survival or extinction? Animistic dispute resolution in the Sultanate of Brunei. *Vol 13*, 4.
- Chong, N. M. (2020). Mediation and appropriate dispute resolution. *SSRN Electronic Journal*. <https://doi.org/10.2139/ssrn.3579326>
- Dahalan, H. M. (2014). Pengurusan sulh: Peranan, pelaksanaan dan keberkesanan oleh pegawai sulh. *International Research Management and Innovation Conference*, 560–570.
- Dahlan, N. K., Palil, M. R., & Abdul Hamid, M. (2017). Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dari sudut syariah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*.
- Dy. Zainab T. H. (2009). Perkembangan pentadbiran Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam. *Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur*.
- Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Fadzli, W. M. A. (2018). Mediation in the Syariah Courts: An empowering alternative for amicable resolution in Syariah disputes. *UM Law Review*.
- Hashim, H., Mokhtarii, M. F. M., & Chow Jen T'chiang, N. Z. (2021). Mekanisme pelaksanaan majlis sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021 "Wawasan Kemakmuran Bersama 2030"*.
- Ismail, A. *Prosedur pelaksanaan sulh: Kajian perbandingan di antara Mahkamah Syariah Selangor dan Mahkamah Syariah Singapura*.
- Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) (Terengganu) 2014.

- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2002). *Kamus istilah undang-undang keluarga Islam*. Zebra Editions Sdn Bhd.
- Maideen, K. A. M. M. M. (2021). A study of Muslim divorces and procedures in Syari'ah Court Singapore. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 194–214.
- Mohd Ali, S. N. H., & Hasan, Z. (2008). Pelaksanaan sulh dan keberkesanannya di Mahkamah Syariah Selangor.
- Ramlee, N., Hidzam, N. H., & Bukhari, M. (2022). Amalan sulh dalam norma baharu di Brunei dan Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 54–67.
- Ramli, R., Supaat, D. I., & Hashim, H. (2020). Kebiasaan baharu (New Normal) dalam pelaksanaan sulh kes hadhanah dan nafkah anak: Isu dan cabaran. *Insla E-Proceedings*, 3(1), 414–437.
- Wan Adnan, W. A., & Ab Halim, A. (2019). Pelaksanaan sulh dalam kes melibatkan tuntutan hartanah orang-orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Journal of Shariah Law Research*, 27–54.